

# PERISYTIHARAN JUALAN

PERINTAH JUALAN ATAS PERMINTAAN PEMEGANG GADAIAN PTDHL.PPJ(PEND)700-6/7/268-2019  
DALAM PERKARA SEKSYEN 260 HINGGA SEKSYEN 269 KANUN TANAH NEGARA, 1965;

DI ANTARA

BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD

PEMEGANG GADAIAN

DAN

OSMAN BIN HASAN (NO. K/P : 550624-01-5099)

PENGGADAI

Dalam menjalankan Perintah Pentadbir Tanah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan, yang diperbuat dalam perkara di atas pada 24/09/2020, adalah dengan ini mengisytiharkan bahawa Pentadbir Tanah Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan, dengan dibantu oleh Pelelong seperti mana yang tersebut di bawah:

## AKAN MENJUAL SECARA LELONGAN AWAM

PADA 26HB NOVEMBER 2020 BERSAMAAN HARI KHAMIS BERMULA JAM 10.00 PAGI  
PEJABAT DAERAH/TANAH HULU LANGAT, KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH HULU LANGAT,  
BANGUNAN SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH, PERSIARAN PUSAT BANDAR 1, SEKSYEN 9,  
43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN

NOTA : Bakal-bakal Pembeli adalah dinasihatkan agar membuat Carian Rasmi Hakmilik di Pejabat Tanah Hulu Langat dan memeriksa hartanah tersebut sebelum hari Lelongan.

### BUTIR-BUTIR HAKMILIK:

No. Hakmilik	: PM 1528 (dahulu dikenali sebagai HSM 5838)
No. Lot	: 935 (dahulu dikenali sebagai PT 10138)
Bandar	: Bandar Batu 18, Semenyih
Daerah	: Hulu Langat
Negeri	: Selangor Darul Ehsan
Lokasi	: Semenyih
Keluasan Tanah	: 153 meter persegi (1,647 kaki persegi)
Cukai Tanah	: RM53.00 setahun
Pegangan	: Pajakan 99 tahun akan tamat pada 09/07/2096
Pemilik Berdaftar	: Osman Bin Hasan (No. K/P : 550624-01-5099) 1/1 Bahagian
Kategori Kegunaan Tanah	: Bangunan
Syarat Nyata	: Bangunan kediaman
Sekatan Kepentingan	: Tanah ini tidak boleh dijual, dipajak, digadai atau dipindahmilik dengan apa cara sekalipun melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri.
Bebanan	: Digadaikan kepada Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad melalui No. Perserahan 1695/2001 Jilid 845, Folio 92 didaftarkan pada 07/03/2001.

LOKASI DAN PERIHAL TANAH:- Hartanah tersebut adalah sebuah rumah teres dua tingkat unit tengah yang beralamat pos No. 14, Jalan Harmoni 8, Taman Harmoni, 43500 Semenyih, Selangor Darul Ehsan.

AKOMODASI :- Tidak dinyatakan

HARGA RIZAB:- Hartanah tersebut akan dijual secara dalam keadaan seperti mana sedia ada tertakluk kepada satu harga rizab sebanyak **RM500,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Ratus Ribu Sahaja)** dan tertakluk kepada syarat-syarat Jualan sepertimana yang tercetak dalam Perisytiharan Jualan ini. Bagi penawar-penawar yang berminat, adalah dikehendaki menandatangani 10% daripada harga rizab dalam bentuk **BANK DRAF** sebanyak **RM50,000.00 (Ringgit Malaysia : Lima Puluh Ribu Sahaja)** atas nama **BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD** sebelum jam 9.30 pagi pada hari Lelongan dan baki wang belian hendaklah dibayar oleh pembeli dalam tempoh satu ratus dua puluh (120) hari dari tarikh jualan kepada **BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD**.

Untuk keterangan selanjutnya, sila hubungi **Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat** atau Peguamacara bagi pihak Pemegang Gadaiannya iaitu **Tetuan Eliz, Zain & Kadariah** beralamat di Suite 6.09B, Tingkat 6 (No Box 368), Wisma Central, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, No. Tel: 03-21611512, Fax: 03-21611513, No. Rujukan: EZK/M/L/BR(BTR)/0001/15(F)-OH, atau kepada Pelelong sepertimana yang tersebut.

**NAZMI BIN OSMAN**

**Pelelong Berlesen**

Eszam Auctioneer Sdn Bhd (760902-H)

Suite B-15-03, Tingkat 15, Blok B, Megan Avenue 2,

No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

TEL NO: 06-7629786, H/P NO: 018-6639786 / 016-6639786

FAX NO: 06-7616986

Email : eszamauctioneer@yahoo.com

Rujukan Kami : EZ/PTH.Lgt/BKRMB/387/2020/Nazmi/Nad

# SYARAT – SYARAT JUALAN

1.
  - i. Lelongan Awam ke atas hartanah ini adalah terbuka kepada semua Warganegara Malaysia termasuk orang perseorangan, badan berkanun dan syarikat yang layak mengikut Seksyen 43 KTN serta Pemegang Gadaian tetapi tidak termasuk Penggadai Penawar yang membuat tawaran hendaklah mengikut Seksyen 253 (3) KTN.
  - ii. Seseorang yang Bukan Warganegara atau syarikat asing tidaklah berhak untuk membuat tawaran pada jualan keatas tanah yang tertakluk kepada kategori "Pertanian" atau "Bangunan" tanpa kelulusan Pihak Berkuasa Negeri (Seksyen 433B (4)KTN)
  - iii. Seseorang yang telah diisytiharkan mufis tidak dibenarkan bertindak sebagai ejen atau wakil. Jika didapati ejen atau wakil yang dilantik adalah seorang mufis, deposit 10%, akan dilucut hak serta dirampas dan hendaklah terpakai oleh pemegang gadaian dan hartanah tersebut akan dilelong semula
2. Semua penawar adalah dikehendaki mendaftar serta menyediakan deposit satu jumlah yang bersamaan dengan 10% daripada harga rizab yang ditetapkan dalam bentuk Draf Bank atas nama **BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD** pada hari lelongan kepada **Pentadbir Tanah Hulu Langat** (Seksyen 263(2) (e)KTN).
3. Ejen atau wakil bagi pihak orang perseorangan, badan berkanun atau syarikat dikehendaki mengemukakan surat perantikan kepada **Pentadbir Tanah Hulu Langat** semasa mendaftar.
4. Jika pembeli itu bertindak sebagai ejen bagi seorang pembeli lain, beliau hendaklah menzahirkan nama prinsipalnya dan jika gagal berbuat demikian, memorandum Kontrak Jualan Lelongan Awam hendaklah disediakan atas namanya sendiri.
5. Syarikat dikehendaki menyertakan "Memorandum & Article of Association", Borang 24, Borang 49, Resolusi Lembaga Pengarah dan Borang 11, (Bagi pemilikan bumiputra)
6. Orang perseorangan dikehendaki mengemukakan kad pengenalan 'My Kad' asal dan salinan.
7. Sebarang tawaran tidak boleh kurang daripada harga rizab yang ditetapkan oleh **Pentadbir Tanah Hulu Langat** seperti dalam Perintah Jualan Awam Borang 16H Seksyen 263 KTN dan tidak boleh ditarik balik (Seksyen 263(2)(d)KTN)
8. Tertakluk kepada Para 9, penawar yang tertinggi, akan diisytiharkan sebagai pembeli dengan syarat bahawa tawarannya adalah sama atau lebih tinggi daripada harga rizab.
9. Jika didapati mana-mana penawar hilang kelayakan kerana bercanggah dengan mana-mana syarat- syarat jualan ini maka **Pentadbir Tanah Hulu Langat** pada bila masa mempunyai kuasa untuk menolak tawaran tersebut yang telah dibuat semasa lelongan diadakan. Jika ada apa-apa pertikaian yang timbul mengenai penawar yang tertinggi, maka **Pentadbir Tanah Hulu Langat** akan memutuskan pertikaian tersebut atau hartanah ini dilelong semula. (Seksyen 265(4) KTN).
10. **Pentadbir Tanah Hulu Langat** berhak menarik balik atau menangguhkan sebarang perjualan pada bila-bila masa sebelum jatuhnya penukul. (seksyen 264(3)KTN).
11. Sebaik sahaja penukul dijatuhkan, nama dan alamat pembeli hendaklah diumumkan oleh orang yang menjalankan jualan dengan suara yang dapat didengari. (Seksyen 265(1) (a) KTN).
12. Selepas penukul dijatuhkan, wang deposit sebanyak 10% daripada harga rizab seperti para 2 diatas akan dimasukkan ke dalam akaun penggadai dan seterusnya pembeli menandatangani Memorandum Kontrak Jualan Lelongan Awam di bawah syarat-syarat jualan ini. Jika pembeli gagal berbuat demikian, hartanah itu hendaklah dilelong semula dan wang depositnya akan dilucut hak dan dirampas dan akan menjadi sebahagian daripada pembayaran daripada hutang sebenar yang tertunggak kepada pemegang gadaian setelah ditolak segala kos perbelanjaan lelongan dan hartanah tersebut akan dilelong semula.
13. Baki harga belian hendaklah diselesaikan oleh pembeli dalam masa tidak lebih daripada "**SATU RATUS DUA PULUH (120) hari**" daripada tarikh jualan kepada Pemegang Gadaian dan hendaklah tiada apa-apa lanjutan masa bagi tempoh yang telah ditetapkan. (Seksyen 263(g)KTN)
14. Di mana seorang pembeli gagal untuk menyelesaikan baki harga belian dalam masa yang telah ditetapkan di bawah Perintah Untuk Jualan di bawah Seksyen 263 KTN, deposit tersebut akan dilucut hak dan hendaklah terpakai mengikut seksyen 267A KTN oleh pemegang gadaian seperti berikut:
  - i. Pertamanya bagi pembayaran seluruh wang yang telah genap masa yang dinyatakan dibawah seksyen (a) (b) dan;
  - ii. keduanya bagi pembayaran baki, jika ada, yang dipegang milik di bawah akaun penggadai untuk tujuan mengurangkan jumlah yang telah genap masa kepada pemegang gadaian mengikut susunan keutamaannya. Seperti yang dinyatakan di bawah Seksyen 268 subseksyen (1) perenggan (c) (d) (e)

15. Pemegang gadaian hendaklah memberitahu **Pentadbir Tanah Hulu Langat** dan **Penggadai** bagi semua pembayaran yang telah genap masa pada atau selepas tarikh jualan lelongan melalui Borang 16Q (Seksyen 266A KTN)
16. Pemegang Gadaian hendaklah apabila menerima jumlah keseluruhan wang belian daripada jualan ini dengan segera mengakui secara bertulis kepada **Pentadbir Tanah Hulu Langat** bahawa jumlah keseluruhan telah pun diterima. (Seksyen 268(3)KTN)
17. Pemegang Gadaian hendaklah menyerahkan suatu pernyataan akaun untuk pembayaran yang diterima dan telah dibayar kepada **Pentadbir Tanah Hulu Langat** tidak lewat daripada **Tiga Puluh (30)** hari setelah penerimaan keseluruhan wang belian. (Seksyen 268A(3)KTN)
18. Hartanah ini adalah dipercayai dan hendaklah dianggap sebagai diperihalkan dengan betul dan dijual tertakluk kepada semua ismen, kaveat, tenansi, tanggungan dan hak (jika ada) yang wujud di atas atau terhadapnya tanpa apa-apa tanggungan yang timbul untuk mengtakrifnya dan tiada kesilapan, pernyataan khilaf atau perihal khilaf boleh membatalkan jualan ini dan tiada bayaran ganti rugi dibenarkan mengenainya.
19. Wang belian yang diperolehi dalam apa-apa jualan hendaklah digunakan seperti berikut: (Seksyen 268 KTN)
  - i. Bayaran cukai tanah kepada Pihak Berkuasa Negeri dan juga segala perbelanjaan lain yang merupakan kemudahan dan utility asa yang Disediakan oleh agensi-agensi Pihak Berkuasa Negeri yang merangkumi tariff bekalan elektrik (TNB), tariff bekalan air (AIR Selangor), tariff penyelenggaraan sistem kumbahan (IWK); cukai taksiran kepada Pihak Berkuasa Tempatan; kadar komisyen 2% dari jumlah wang jualan kepada Pelelong dan segala bil Pelelong yang disahkan oleh **Pentadbir Tanah Hulu Langat**; dan tunggakan akaun penyenggaraan Badan Pengurusan Bersama (JMB) atau Perbadanan Pengurusan (MC) sekiranya hartanah ini adalah hakmilik strata.
  - ii. untuk membayar kepada pemegang gadaian jumlah penuh yang terhutang di bawah gadaian pada masa jualan itu dijalankan, untuk menjamin pembayaran satu anuiti atau jumlah berkaifa yang lain dan membayar gadaian – gadaian yang lain, jika ada.
  - iii. baki, Jika ada, dari wang belian hendaklah dibayar kepada penggadai.
20. **Pentadbir Tanah Hulu Langat** tidak bertanggungjawab mengenai apa-apa kehilangan atau kerosakan disebabkan oleh kebakaran atau lain-lain bencana.
21. Pembeli hendaklah mengaku identiti hartanah yang dibeli olehnya seperti yang terkandung dalam dokumen munimen yang diberi oleh Pemegang Gadaian sebagai surat hakmilik hartanah tersebut atas bukti yang diberi dengan membandingkan antara deskripsi butir-butir dan dokumen munimen masing-masing.
22. Pemegang Gadaian tidak akan bertanggungjawab untuk menyerahkan milikan kosong harta berkenaan kepada pembeli.
23. Jika Pemegang Gadaian bercadang untuk memohon pembatalan atau penangguhan Perintah Jualan (Borang 16H) melalui lelongan awam maka satu permohonan melalui Borang 160 KTN hendaklah dikemukakan kepada **Pentadbir Tanah Hulu Langat** **selewat-lewatnya tujuh (7) hari sebelum tarikh lelongan awam** berserta dengan bayaran sebanyak RM3000.00 (Ringgit Malaysia : Tiga Ribu Sahaja). Borang 160 KTN yang diserahkan kurang dari **Tujuh (7) hari sebelum tarikh lelongan di TOLAK. (Seksyen 264A KTN).**
24. Di mana perakuan jumlah (Sijil Jualan Borang 16I) telah diberi kepada seorang pembeli berkenaan dengan mana-mana tanah yang digadai atau dipajak, mana-mana kehendak untuk memperolehi kebenaran Pihak Berkuasa Negeri berkenaan dengan sekatan kepentingan ke atas tanah atau pajakan tersebut hendaklah tidak diguna pakai. (Seksyen 301 KTN)
25. Jika berlaku apa-apa percanggahan dalam syarat-syarat ini dengan peruntukan dalam Bahagian Enam Belas Bab3-Remedi Pemegang Gadaian: Jualan. Peruntukan – peruntukan dalam kanun Tanah Negara 1965 hendaklah mengatasi syarat-syarat ini.

**PENTADBIR TANAH HULU LANGAT**

# KONTRAK

MEMORANDUM : Dalam jualan secara Lelongan Awam pada **26hb November, 2020 (Khamis)** mengenai hartanah PM 1528 Lot 935 (dahulu dikenali sebagai HSM 5838 PT 10138), Bandar Batu 18, Semenyih, Daerah Hulu Langat, Negeri Selangor Darul Ehsan yang beralamat di No. 14, Jalan Harmoni 8, Taman Harmoni, 43500 Semenyih, Selangor Darul Ehsan.

Maka dengan ini diisytiharkan bahawa :

Nama : \_\_\_\_\_

K/P : \_\_\_\_\_

Alamat : \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_

No. Tel : \_\_\_\_\_

adalah penawar tertinggi yang diisytiharkan sebagai pembeli hartanah tersebut dengan sejumlah RM \_\_\_\_\_ dan telah membayar kepada Pemegang Gadaian **Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad** sebanyak RM \_\_\_\_\_ sebagai deposit dan bersetuju membayar baki harga pembelian dalam tempoh seratus dua puluh (120) hari iaitu sebelum atau pada **26hb Mac 2021** dan menyempurnakan pembelian tersebut mengikut syarat-syarat jualan dan **Tetuan Eliz, Zain & Kadariah** peguam cara bagi pihak Pemegang Gadaian mengaku menerima wang deposit tersebut

**HARGA BELIAN** : RM \_\_\_\_\_

**DEPOSIT DIBAYAR** : RM \_\_\_\_\_

**BAKI** : RM \_\_\_\_\_

\_\_\_\_\_  
**PENTADBIR TANAH**  
**DAERAH HULU LANGAT**  
Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat

\_\_\_\_\_  
**TETUAN ELIZ, ZAIN & KADARIAH**  
Peguamcara Bagi Pihak Pemegang Gadaian  
NAMA :  
NO. K/P :

\_\_\_\_\_  
**(PEMBELI/EJEN BERKUASA)**  
NAMA :  
NO. K/P :

\_\_\_\_\_  
**NAZMI BIN OSMAN**  
**ESZAM AUCTIONEER SDN BHD**  
(Pelelong Berlesen)

# PROCLAMATION OF SALE

ORDER FOR SALE AT INSTANCE OF CHARGEЕ PTDHL.PPJ(PEND)700-6/7/268-2019  
IN THE MATTER OF SECTION 260 TO SECTION 269 OF THE NATIONAL LAND CODE 1965;

BETWEEN

BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD

CHARGEЕ

AND

OSMAN BIN HASAN (NRIC NO. K/P : 550624-01-5099)

CHARGORS

In pursuance to the Order of the Land Administrator of Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan, made herein on the above matter on the 24/09/2019, it is hereby proclaimed that the Land Administrator of Hulu Langat, Selangor Darul Ehsan with the assistance of the under mentioned Auctioneer:

## WILL SELL BY PUBLIC AUCTION

ON THURSDAY THE 26<sup>TH</sup> NOVEMBER 2020 STARTING AT : 10.00 A.M.  
PEJABAT DAERAH/TANAH HULU LANGAT, KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH HULU LANGAT,  
BANGUNAN SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH, PERSIARAN PUSAT BANDAR 1, SEKSYEN 9,  
43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN

NOTE : Prospective bidders are advised to conduct an official title search at the Hulu Langat Land Office and to inspect the subject property prior to the auction sale.

### PARTICULAR OF TITLE:-

Title No.	:	PM 1528 (formerly known as HSM 5838)
Lot No.	:	935 (formerly known as PT 10138)
Town	:	Bandar Batu 18, Semenyih
District	:	Hulu Langat
State	:	Selangor Darul Ehsan
Locality	:	Semenyih
Land Area	:	153 square metres (1,647 square feet)
Quit Rent	:	RM53.00 per annum
Tenure	:	Leasehold 99 years expiring on 09/07/2096
Registered Owner	:	Osman Bin Hasan (NRIC No. : 550624-01-5099) 1/1 Share
Category Of Land Use	:	Building
Express Condition	:	Residential Building
Restriction In Interest	:	"Tanah ini tidak boleh dijual, dipajak, digadai atau dipindahmilik dengan apa cara sekalipun melainkan dengan kebenaran Pihak Berkuasa Negeri."
Encumbrances	:	Charged to Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad vide Presentation No. 1695/2001 Volume 845, Folio 92 registered on 07/03/2001.

LOCATION AND DESCRIPTION OF THE PROPERTY:- The subject property is an intermediate unit of double storey terrace house bearing postal address of **No. 14, Jalan Harmoni 8, Taman Harmoni, 43500 Semenyih, Selangor Darul Ehsan.**

ACOMODATION:- Not Stated

RESERVE PRICE:- The subject property will be sold "as is where is" basis subject to a reserve price of **RM500,000.00 (Ringgit Malaysia : Five Hundred Thousand Only)** and to the conditions of sale as printed in the Proclamation of Sale. All intending bidders are required to deposit 10% of the reserve price equivalent to **RM50,000.00 (Ringgit Malaysia : Fifty Thousand Only)** by BANK DRAFT only, in favour of **BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD** before **9.30 am** on the date of auction and balance of the purchase price shall be paid by the purchaser within **One Hundred Twenty (120) days** from the date of sale to **BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD**.

For further particulars please apply to the **Pejabat Daerah/Tanah Hulu Langat** or the Solicitors for the Chargee, **Messrs Eliz, Zain & Kadariah**, at Suite 6.09B, Tingkat 6 (No Box 368), Wisma Central, Jalan Ampang, 50450 Kuala Lumpur, No. Tel: 03-21611512, Fax: 03-21611513, Ref No.: EZK/M/L/BR(BTR)/0001/15(F)-OH or to the under mentioned auctioneer :-

### **NAZMI BIN OSMAN**

**Licensed Auctioneer**

Eszam Auctioneer Sdn Bhd (760902-H)

Suite B-15-03, Level 15, Block B, Megan Avenue 2,  
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur.

TEL NO: 06-7629786, H/P NO: 018-6639786 / 016-6639786

FAX NO: 06-7616986

Email : eszamauctioneer@yahoo.com

Our Ref : EZ/PTH.Lgt/BKRMB/387/2020/Nazmi/Nad

# [拍賣通告]

烏魯冷岳土地局債權人拍賣申請號碼 : PTDHL.PPJ(PEND)700-6/7/268-2019  
起訴者 : BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD  
答辯者 : OSMAN BIN HASAN(NO. K/P : 550624-01-5099)

茲遵照烏魯冷岳土地局於24/09/2020之諭令, 訂于26. 11. 2020(星期四), 上午10. 00a. m. 在PEJABAT DAERAH/TANAH HULU LANGAT, KOMPLEKS PENTADBIRAN DAERAH HULU LANGAT, BANGUNAN SULTAN HISAMUDDIN ALAM SHAH, PERSIARAN PUSAT BANDAR 1, SEKSYEN 9, 43650 BANDAR BARU BANGI, SELANGOR DARUL EHSAN拍賣產業。

备注: 有兴趣者请在拍賣前向有关土地局调查该产业的地契并检查该产业。  
以下产业已得到报告, 详细如下:

地契列号 : PM 1528 (前称HSM 5838)  
地段列号 : 935 (前称PT 10138)  
市/县/州属 : Bandar Batu 18, Semenyih / Hulu Langat / Selangor Darul Ehsan  
期限 : 九十九年地契至09/07/2096  
地段面积 : 153 平方公尺 (1,647平方尺)  
注册业主 : Osman Bin Hasan (No. K/P : 550624-01-5099) - 1/1 份  
其他条件 : 请参阅国语版 限制利益: 请参阅国语版  
债权 : Bank Kerjasama Rakyat Malaysia Berhad  
地点/产业 : 该产业建有双层排屋, 地址为:  
No. 14, Jalan Harmoni 8, Taman Harmoni, 43500 Semenyih, Selangor Darul Ehsan.  
底价 : RM500,000.00  
按金 : 十巴仙的底价。以银行汇票给予有关BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD  
早上 9.30 a. m .  
备注 : 欲知详情请向有关者询问: 執照拍賣師: ESZAM AUCTIONEER SDN BHD

Tetuan Eliz, Zain & Kadariah  
Suite 6.09B, Tingkat 6 (No Box 368),  
Wisma Central, Jalan Ampang,  
50450 Kuala Lumpur,  
Tel: 03-21611512  
Fax: 03-21611513,  
No. Ruj: EZK/M/L/BR (BTR) /0001/15 (F) -OH

Suite B-15-03, Tingkat 15, Blok B,  
Megan Avenue 2, No. 12, Jalan Yap Kwan Seng,  
50450 Kuala Lumpur.  
TEL NO: 06-7629786,  
H/P NO: 018-6639786 / 016-6639786  
FAX NO: 06-7616986  
Email : eszamauctioneer@yahoo.com  
(No. Ruj: EZ/PTH. Lgt/BKRMB/387/2020/Nazmi/Nad)  
NAZMI BIN OSMAN  
(Pelelong Berlesen)

## விற்பனை பிரகடனம்

நிலம் அடமான எண் PTDHL.PPJ(PEND)700-6/7/268-2019

இடையில்

BANK KERJASAMA RAKYAT MALAYSIA BERHAD.....அடகு பெற்றவர்  
மற்றும்

OSMAN BIN HASAN (NO. K/P : 550624-01-5099).....அடகு வைத்தவர்

இவ்விஷயமாக மேற்படி வங்கி விஷயத்தில் அதிகாரமும் உரிமையும் உலுலங்காட் வட்டாரம் 24/09/2020, நாட்கள் பிரகடனம் பெற்று இதன்படி உலுலங்காட் வட்டாரம் உதவியுடனும் கீழ்வரும் ஏலாதிபரின் உதவியுடனும்.

## பொது ஏலம் வீட்ப்படும்

எதிர்வரும் வியாழக்கிழமை, காலை மணி 10.00க்கு (26/11/2020)

உலு லாங்காட் நில வட்டாரம் அலுவலகம், கொம்பலேக்ஸ், பென்தட்டிரான் உலு லாங்காட், பங்குனான் சுல்தான் ஹரிஷாமுடன் ஷா, பெர்சியாரான் புசாட் பண்டார் 1, செக்ஷன் 9, 43650 பண்டார் பாரு பாங்கி, சிலாங்கூர்.

குறிப்பு : இச்சொத்தை ஏலத்தின் மூலம் வாங்க விரும்புவர்கள் இதனை நேரில் சென்று பார்வையிடுவதுடன் இதன் விபரங்களையும் விசாரித்துத் தெரிந்து கொள்ளும்படி கேட்டுக் கொள்ளப்படுகிறார்கள்.

பட்ட விபரங்கள் : (ஆங்கிலத்தில் அல்லது தேசிய மொழியில் உள்ளதை படித்து கொள்ளவும்)  
இடம் : எண். 14, ஹர்மோனி 8, தாமான் ஹர்மோனி, 43500 செமினி, சிலாங்கூர்.  
நில பரப்பளவு : 153 சதுர மீட்டர் (1,647 சதுர அடி)  
லோட் எண். : 935 (dahulu dikenali sebagai PT 10138)  
நில உரிமை எண். : PM 1528 (dahulu dikenali sebagai HSM 5838)  
அரசாங்க வரி : ரிம53.00 வருடத்துக்கு  
சொத்து / நிலப்பட்டா விபரங்கள் : (ஆங்கிலத்தில் அல்லது தேசிய மொழியில் உள்ளதை படித்து கொள்ளவும்)  
சொத்து உரிமையாளர் : OSMAN BIN HASAN (NO. K/P : 550624-01-5099) 1/1  
சொத்துரிமை விலை : ரிம500,000.00

மேலும் விபரங்களுக்கு தெதுவான் எலிஜ், ஜயின் & கடாரியா, முகவரி : சுயத் 6.09B, வேது மாடி, (எண். 368) வில்மா சென்டரல், ஜாலான் அம்பாங், 50450 கோலாலம்பூர் (எண். EZK/M/L/BR(BTR)/0001/15(F)-OH, தொலைபேசி : 03-21611512, பேக்ஸ் : 03-21611513, அல்லது கீழே கையொப்பமிட்டுள்ள ஏலாதிபரிடம் தொடர்பு கொள்ளவும்.

Tetuan Eszam Auctioneer Sdn Bhd (760902-H)  
Suite B-15-03, Level 15, Block B, Megan Avenue 2,  
No. 12, Jalan Yap Kwan Seng, 50450 Kuala Lumpur  
No. Tel : 06-7629786/016-6639786/018-6639786  
No. Fax : 06-7616986  
Email : eszamauctioneer@yahoo.com  
Ruj kami : EZ/PTH.Lgt/BKRMB/387/2020/Nazmi/Nad

NAZMI BIN OSMAN  
(Pelelong Berlesen)